

13 AUG 1997

Mahathir-Ringggit

NEGARA KAYA MAHU MENINDAS NEGARA MISKIN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, negara-negara kaya suka menindas negara-negara miskin di sebalik membantu mereka.

Dr Mahathir berkata: "Apa yang menyebabkan saya marah ialah aktiviti seperti ini yang di sokong oleh negara-negara yang kaya sangat, dan mereka ini tidak sanggup membantu negara-negara miskin."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan kunjungan perpisahan terhadap pengerusi bersama Majlis Menteri-menteri Bosnia dan Herzegovina, Dr Haris Saladjic dan Boro Bosic di Hotel Istana, di sini.

"Apabila mereka melihat negara-negara miskin, mereka mengetuk di kepala tetapi bercakap pula mengenai keadilan, demokrasi -- apa ini demokrasi apabila yang kaya boleh menindas yang miskin," kata beliau semasa diminta mengulas mengenai nilai matawang ringgit yang terus menyusut sejak kebelakangan ini.

Dr Mahathir berkata, orang-orang seperti ini tidak peduli apa yang mereka melakukan terhadap yang lain dan mereka beranggapan bahawa perbuatan memusnahkan ekonomi negara-negara membangun menyeronokkan. - LAGI

"Sudah tentu mereka tidak menerima padahnya. Apa yang mereka peduli? Mereka bercakap mengenai hak asasi manusia, pembasmian kemiskinan dan semua itu. Mereka berpendapat ini sesuatu yang membanggakan," kata beliau.

"Mereka melakukannya bagi demokrasi, bagi kebebasan dan bagi perdagangan bebas. Saya tidak bercakap tentang sesiapa, anda boleh meneka sendiri," kata beliau lagi.

Tetapi Dr Mahathir berkata, kejatuhan nilai matawang Malaysia hanya fenomena sementara dan kerajaan sedang berusaha sedaya yang boleh ke arah "penyelesaian muktamad" terhadap masalah itu.

Nilai ringgit terus menyusut hari ini kepada 2.786 terhadap dollar AS berbanding 2.765 semalam.

Dr Mahathir berkata, beberapa negara Eropah sudahpun memikirkan untuk menghadkan urusan spekulatif di pasaran pertukaran asing. Tetapi beliau berkata: "Saya tidak tahu sama ada kita boleh melakukannya atau tidak. Kita sedang mengkajinya dan sedang memikirkan penyelesaian jangka panjang.

"Kita akan pulih kembali," kata beliau dengan penuh keyakinan.

Perdana Menteri terus mengutuk spekulator matawang yang aktiviti mereka menyebabkan nilai matawang di rantau ini terus berkurangan sejak beberapa minggu kebelakangan ini.

Beliau berkata: "Mereka cuba sedaya yang boleh untuk memusnahkan kita. Mereka kata tiada komplot, tetapi sama ada terdapat komplot atau tidak mereka telah melakukannya dengan sengaja untuk menurunkan lagi nilai ringgit yang telah berkurangan."

Dr Mahathir berkata, orang-orang ini hanya mahu mengaut keuntungan bagi diri sendiri dan duit bagi yang kaya.

Ditanya sama ada langkah-langkah telah diambil untuk mengkaji semula pelaksanaan projek-projek raksaksa tertentu memandangkan nilai matawang negara yang semakin lemah, Perdana Menteri berkata langkah-langkah seperti itu sedang diambil tetapi bukan kerana nilai ringgit yang berkurang.

"Kita mahu mengurangkan import kerana barangan import kini kosnya lebih tinggi sedikit kerana nilai ringgit telah menyusut. Oleh itu, buat sementara waktu kita perlu mengurangkan import," kata beliau.

Beliau berkata ini hanya langkah sementara dan projek-projek yang dikaji semula nampak besar daripada segi nilainya tetapi sebenarnya bukan

projek raksaksa.

Semasa menjawab soalan, Dr Mahathir berkata projek-projek ini bukan ditunda tetapi kerajaan hanya mengurangkan import tertentu dalam menghadapi perkembangan sekarang ini.

" Kini import kita lebih mahal sedikit kerana nilai ringgit telah berkurangan. Buat sementara waktu kita perlu mengurangkan import tetapi kita akan meneruskan projek-projek ini," kata beliau.

Beliau berkata, apa yang dianggap sebagai projek raksaksa sebenarnya bukan begitu.

" Sektor swasta membina seluruh bandar di Malaysia. Mereka tidak hanya membina satu ataupun dua rumah ataupun sebuah skim perumahan sahaja. Mereka membina sebuah bandar yang lengkap dengan masjid, sekolah dan semua kemudahan lain.

" Setiap satu daripada bandar itu mungkin menelan belanja empat atau lima bilion ringgit dan dilaksanakan oleh satu individu. Jadi apa yang dimaksudkan sebagai projek raksaksa itu," tanya beliau.

Dr Mahathir berkata, dalam kebanyakan kes kerajaan tidak mengeluarkan duit bagi projek-projek ini memandangkan ia dilaksanakan oleh sektor swasta.

" Tetapi walaupun ia dilaksanakan oleh sektor swasta, kita tetap perlu kurangkan import," kata beliau. -- BERNAMA

ZAB PR